

mengaku salah dan dijatuhi hukuman denda sebanyak RM10,000 di bawah Seksyen 233 (1) AKM98.

Kerajaan memandang serius isu penyalahgunaan internet dan beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil. Antaranya keperluan mengkaji semula keberkesanan AKM 1998; memberikan taklimat terhadap agensi penguat kuasa dan Kempen Kesedaran Media Sosial yang dijalankan oleh Kerajaan termasuk secara bersama pihak swasta/syarikat pemberi perkhidmatan. Kempen ini bertujuan untuk mendidik pengguna-pengguna Internet mengenai penggunaan Internet secara positif melalui kawal selia kendiri (*self-regulate*).

**NO. SOALAN: 4**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA [PARIT BUNTAR]**

**TARIKH : 12 MAC 2014**

**SOALAN :**

**Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini kelengkapan Kapal/Bot Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) bagi memastikan keselamatan perairan negara.**

**JAWAPAN : YB DATO' SERI DR SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa kini, inventori aset operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia memiliki 71 buah kapal (11 kelas kapal) dan 162 buah bot (8 kelas bot). Bagi aset operasi udara pula, APMM memiliki 6 buah helikopter (3 buah AW139 dan 3 buah DAUPHIN AS365) dan 2 buah pesawat Amfibia (BOMBARDIER CL415). Konsep operasi APMM dilaksanakan secara 24/7 dengan penugasan sebanyak 8 vesel di Wilayah Utara, 7 vesel di Wilayah Selatan, 7 vesel di Wilayah Timur, 6 vesel di Wilayah Sarawak dan 14 vesel dioperasikan di Wilayah Sabah meliputi ESSZONE secara 24/7. Keseluruhan jumlah vesel yang beroperasi setiap waktu di seluruh perairan Zon Maritim Malaysia ialah sebanyak 42 buah.

Bagi aset operasi udara pula, 4 helikopter (2 buah AW139 dan 2 buah DAUPHIN AS365) dan 2 buah pesawat amfibia (BOMBARDIER CL415) sentiasa diletakkan dalam kesiagaan dan boleh diterbangkan pada bila-bila masa sekiranya diperlukan, selain daripada penugasan untuk pengawasan dan latihan.

Dalam usaha APMM meningkatkan kesiagaan dan operasi, Agensi ini terpaksa menghadapi kekangan beroperasi di laut kerana banyak aset operasi laut yang berusia dan usang mengakibatkan kerosakan sering berlaku. Kerosakan kapal semasa beroperasi di laut mengakibatkan

hubungan komunikasi terputus dan ia turut membahayakan anggota sekiranya berlaku litar pintas ataupun kebocoran pada kapal. Sebanyak 55 buah kapal APMM telah berusia melebihi 30 tahun iaitu 62.5% daripada keseluruhan jumlah aset yang dimiliki. Bahkan 15 buah kapal daripada Kelas Sipadan yang diwarisi daripada TLDM telah berusia 50 tahun yang mana 7 buah perlu dilupuskan pada tahun ini manakala 9 buah kapal Kelas PX Wooden Hull (daripada Pasukan Polis Marin) berusia 44 tahun telah dilupuskan pada tahun 2013. APMM amat berharap agar perolehan kapal baru melalui Program Pelan Penggantian Kapal dapat disediakan peruntukan agar Agensi ini dapat beroperasi dengan berkesan demi memastikan Zon Maritim Malaysia sentiasa aman dan selamat. Berikut merupakan aset APMM yang telah berusia seperti berikut:

KELAS VESEL	JABATAN ASAL	PANJANG	TAHUN DIBINA/USIA	JUMLAH
<b>15 SIPADAN (7 Lupus)</b>	TLDM	31 m	1964 - (50 tahun)	<b>8</b>
<b>9 PX WOODEN HULL (Lupus)</b>	PDRM	30 m	1969 - (44 tahun)	<b>0</b>
<b>GAGAH</b>	PDRM	39 m	1982 - (31 tahun)	<b>15</b>

<b>GEMIA</b>	PDRM	28 m	1982 - (31 tahun)	<b>9</b>
<b>RAMUNIA</b>	KASTAM	32 m	1982 - (31 tahun)	<b>7</b>
<b>LANGKAWI</b>	TLDM	75 m	1986 - (27 tahun)	<b>2</b>
<b>SEMILANG</b>	JABATAN PERIKANAN	21 m	1988 - (25 tahun)	<b>4</b>
<b>RHU</b>	JABATAN PERIKANAN	26 m	1991 - (22 tahun)	<b>2</b>
<b>NUSA</b>	JABATAN PERIKANAN	22 m	1995 - (18 tahun)	<b>5</b>
<b>MALAWALI</b>	JABATAN LAUT	25 m	2001 - (12 tahun)	<b>4</b>
<b>TUGAU</b>	PDRM	22 m	2002 - (11 tahun)	<b>14</b>
<b>MARLIN</b>	JICA	40 m	2007 - (6 tahun)	<b>1</b>
			<b>JUMLAH</b>	<b>71</b>

Sekian. Terima Kasih.